

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Kemasukan pengaruh dari luar sejak zaman sebelum penjajahan dan terbukanya peluang-peluang komunikasi selepas kemerdekaan telah menyebabkan bidang senibina di Malaysia menjadi semakin mencabar.

Senibina tradisional Melayu di Malaysia yang direkabentuk beridentitikan kehidupan tropika dan dicorakkan dengan cara hidup masyarakatnya telah dicampur adukkan dengan unsur-unsur senibina moden. Perubahan era senibina tersebut telah mengubah dan adakalanya memusnahkan terus senibina tradisional ini. Perubahan senibina ini bukan hanya melanda bangunan-bangunan kerajaan, masjid dan rumah-rumah kedai tetapi juga turut menjejaskan senibina rumah-rumah kediaman rakyat biasa, rumah ketua-ketua masyarakat malah sehingga ke senibina istana raja-raja Melayu.

Di Negeri Sembilan, perubahan senibina ini turut melanda Balai Adat Dato' Undang iaitu rumah kediaman dan pejabat ketua Luak di dalam kelompok masyarakat Adat Perpatih.

## **1.1      OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN**

Seperti yang telah dinyatakan oleh beberapa orang penulis terdahulu seperti Peletz (1981:25), sistem Adat Perpatih telah merosot semenjak abad ke lapan belas lagi. Disebabkan oleh kemerosotan ini, tatacara kehidupan tradisional yang dipengaruhi oleh Adat Perpatih telah mengalami perubahan secara drastik terutama sekali setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Arus permodenan yang menyerap masuk ke dalam kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan telah menyebabkan generasi muda meninggalkan kebanyakan tradisi nenek moyang mereka. Semua yang bercorak tradisional bagi mereka dirasakan kurang sesuai dan ketinggalan zaman. Ini termasuklah dari sudut senibina. Disebabkan oleh perubahan nilai hidup, rumah-rumah yang berbentuk moden menjadi pilihan generasi ini kerana merasakan bahawa ia sesuai dengan gaya hidup masa kini.

Masalah yang sama juga terjadi kepada Balai Adat Dato' Undang di Negeri Sembilan. Disebabkan oleh perubahan-perubahan yang melanda aspek senibina Balai Adat ini telah sampai ke tahap yang membimbangkan, pengkaji merasakan adalah menjadi tanggungjawap kita bersama untuk membuat kajian yang lebih mendalam mengenai aspek ini.

Terdapat dua objektif utama dalam menjalankan kajian ini. Yang pertama ialah untuk mengkaji senibina Balai Adat tradisional iaitu Balai Adat yang belum mendapat sebarang pengaruh senibina dari luar. Ini adalah untuk melihat sejauh manakah Adat Perpatih mempengaruhi senibina Balai Adat.

Objektif yang kedua ialah untuk melihat perubahan yang telah berlaku pada senibina Balai Adat tersebut dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan perubahan ini terjadi. Faktor-faktor perubahan yang dimaksudkan di sini melibatkan pengertian terhadap perubahan fizikal, susunan tataruang, penggunaan ruang, sistem binaan dan penggunaan bahan pada senibina Balai Adat tersebut. Perkara ini dikaji melalui tinjauan perkembangan senibina dari tahap senibina Balai Adat yang tertua ditemui ke tahap senibina Balai Adat masa kini.

Dalam menjalankan kajian ini, skop kajian hanya merangkumi empat buah luak di Negeri Sembilan iaitu Luak Sungai Ujung, Luak Jelebu, Luak Rembau dan Luak Johol. Keempat-empat luak ini dipilih kerana keistimewaan<sup>i</sup>nya mempunyai Dato' Undang berbanding dengan luak-luak yang lain yang tidak mempunyai Dato' Undang. (Rujuk senarai nama-nama Dato' Undang di lampiran 1, 2, 3 dan 4).

Penekanan diberikan terhadap aspek senibina Balai Adat dan mengaitkannya dengan aspek budaya Adat Perpatih itu sendiri. Sebarang kajian mengenai senibina sesuatu bangsa tidak boleh lari dari

mengkaji aspek budayanya kerana senibina itu sendiri adalah hasil dari kebudayaan bangsa tersebut.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Perubahan nilai hidup masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan telah hampir memusnahkan karakter senibina Balai Adat mereka. Bukan hanya Balai Adat tetapi kebanyakan rumah tradisional di Negeri Sembilan juga telah hampir lopus. Banyak rumah-rumah tradisional ini dirobohkan bagi membina rumah-rumah baru yang dikatakan yang lebih moden.

Perubahan terhadap senibina Balai Adat ini berlaku sejak tahun 1883 sehingga tahun 1991. Balai Adat telah dibina dalam berbagai-bagai bentuk dan menggunakan segala macam teknik binaan dan bahan. Disebabkan oleh perubahan yang tidak dikawal ini, tidak terdapat lagi sebarang perbezaan karakter rekabentuk Balai Adat tersebut jika dibandingkan dengan karakter rumah rakyat biasa yang lain.

Ciri-ciri yang seharusnya ada pada sesebuah Balai Adat tidak dapat dikesan lagi. Tidak adanya panduan terperinci mengenai aspek ini telah menyebabkan rekabentuk Balai Adat berubah-ubah. Begitu juga dengan fungsi ruang yang turut berubah dari masa ke semasa mengikut pengaruh yang didapati daripada peredaran zaman. Tidak adanya panduan tertentu dalam menentukan perletakan dan fungsi ruang pada Balai Adat telah menyebabkan tataruangnya dibuat sesuka hati mengikut kehendak penghuni.

Begini juga dengan gejala penggabungan unsur rupabentuk senibina pada Balai Adat seperti mengambil secara terus bentuk bumbung Minangkabau. Hal ini amat mengelirukan generasi muda dalam mencari identiti senibina mereka. Untuk menyedarkan masyarakat tentang keterlanjuran yang telah dibuat terhadap Balai Adat sebelum ini bukanlah satu perkara yang mudah. Di dalam fikiran mereka telah terpahat gambaran bahawa bentuk bumbung bergonjong itulah identiti senibina di Negeri Sembilan dan mereka amat bangga dengan situasi sedemikian.

Ketidakfahaman masyarakat tentang konsep sebenar Balai Adat ini juga mendorong kepada perubahan senibina yang terjadi ditambah pula dengan pengetahuan yang cetek mengenai pegangan Adat Perpatih itu sendiri.

### **1.3 KEPENTINGAN DAN HIPOTESIS KAJIAN**

Sehingga ke hari ini belum terdapat sebarang kajian mengenai senibina Balai Adat di Negeri Sembilan yang dibuat secara intensif terutama sekali dalam meneliti perubahan yang telah berlaku pada senibinanya. Oleh sebab itulah kajian ini dirasakan penting memandangkan senibina Balai Adat di Negeri Sembilan adalah salah satu warisan budaya bangsa Melayu yang kian musnah, baik disebabkan oleh proses pembangunan dan modenisasi maupun di sebabkan oleh alam dan kecuaian manusia itu sendiri.

Kajian ini merupakan satu titik permulaan bagi kajian-kajian yang akan dibuat dengan lebih mendalam mengenai senibina Balai Adat di Negeri Sembilan yang telah diabaikan dan tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Dengan adanya kajian ini, adalah diharapkan agar kesedaran orang awam dan pihak-pihak berkuasa tempatan dapat dipertingkatkan bagi menyelamatkan senibina Balai Adat ini. Nilai tradisi senibina Balai Adat ini haruslah dikekalkan .

Penekanan pada aspek senibina Balai Adat di Negeri Sembilan ini juga dibuat bertujuan untuk menyedarkan masyarakat serta untuk membangkitkan rasa bangga mereka tentang ketinggian nilai-nilai senibina yang terkandung di dalam Balai Adat ini. Dengan adanya kesedaran ini, perasaan bertanggungjawab untuk turut membina, memelihara dan melindunginya akan dapat dilahirkan.

Adalah juga suatu keadaan yang sangat memilukan apabila melihat Balai Adat yang dibina secara tradisi ditinggalkan tidak berpenghuni, reput dan menunggu masa menyembah bumi. Kajian ini diharapkan dapat membuka jalan dan memberi pedoman dalam membangunkan semula Balai Adat yang berjiwa tradisi ini dari menyerapkan semula senibina yang berunsurkan Adat Perpatih pada Balai-balai Adat yang bakal dibangunkan.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi sumbangan ke arah penambahan bahan-bahan ilmiah mengenai senibina Melayu seterusnya membantu para penyelidik untuk membuat kajian-kajian selanjutnya mengenai bidang berkaitan.

Kajian ini seterusnya dilandaskan kepada hipotesis bahawa :

*" Senibina Balai Adat di Negeri Sembilan telah mengalami perubahan selaras dengan perubahan yang telah berlaku kepada Adat Perpatih di Negeri Sembilan itu sendiri. "*

#### **1.4 KAEADAH PENYELIDIKAN**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji terlebih dahulu telah mengenalpasti masalah-masalah kajian sebelum membuat andaian yang membentuk hipotesis (rujuk Carta 1).

Untuk mencari maklumat bagi menyokong hipotesis tersebut, pengkaji menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah **kajian sejarah** dan kaedah **kajian lapangan**.


##### **1.4.1 Kajian sejarah**

Dalam menjalankan kajian sejarah, pengkaji tidak terlibat secara langsung dengan sesuatu peristiwa, perkembangan dan pengalaman yang dikaji. Pengkaji hanya mengumpulkan bahan dari sumber data sekunder serta membuat analisis ke atas fakta-fakta yang ditemui.

Data sekunder tersebut terdiri daripada hasil tulisan dan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan Adat Perpatih dan juga kajian-kajian yang berkaitan dengan senibina di Negeri Sembilan. Tinggalan-tinggalan sejarah, artifak-artifak, hasil-hasil seni dan bahan-bahan yang ada hubungkait dengan bidang kajian juga turut dikaji.

#### 1.4.2 Kajian lapangan


Kajian lapangan telah dijalankan selama lima bulan bermula dari bulan Ogos 1996 sehingga ke bulan Disember 1996. Kajian ini meliputi kajian kes terhadap kesemua Balai Adat yang terdapat di keempat-empat luak di Negeri Sembilan (rujuk Peta 1).




Peta 1 : Empat buah luak di Negeri Sembilan:

Luak Sungai Ujung, Luak Jelebu, Luak Johol dan Luak Rembau.

Kajian soal selidik juga turut dijalankan bagi tujuan mendapatkan maklumat tentang sejarah Balai Adat, taraf pemilikan, salasilah keluarga pemilik dan juga fungsi ruang. Sebelum kajian kes dijalankan, kajian uji lapangan (pilot study) telah terlebih dahulu dijalankan di keempat-empat luak tersebut. Kajian ini dibuat bertujuan bagi memastikan ketepatan soalan-soalan yang terdapat di dalam borang kajian soal selidik seterusnya bagi memilih sampel kajian (rujuk sampel borang soal selidik di lampiran 5).



Semasa menjalankan kajian uji lapangan, pengkaji telah menemui dua puluh lapan buah rumah di mana lapan belas daripadanya adalah Balai Adat manakala sepuluh buah lagi adalah rumah Dato' Lembaga (rujuk jadual 1 dan carta 2). Pengkaji telah pergi ke setiap luak dan melalui pertolongan ketua-ketua Adat di luak tersebut, pengkaji telah menemui lokasi Balai Adat Dato' Undang.



Carta 2: Carta pemilihan sampel

	<b>Luak Johol</b>	<b>Luak Sungai Ujong</b>	<b>Luak Jelebu</b>	<b>Luak Rembau</b>
1.	Balai Adat Undang Kamat Kampung Nurii	Balai Adat Undang Maamor Kampung Setui	Balai Adat Undang Syed Ali Kampung Simpang Gelam	Balai Adat Undang Serun Kampung Tanah Datar
2.	Balai Adat Undang Manaf Kampung Pasit	Balai Adat Undang Kassim Lake Garden, Seremban	Balai Adat Undang Shahmaruddin Kampung Mengkan	Balai Adat Undang Sulong Kampung Gadong
3.	Balai Adat Undang Abdul Majid Kampung Kuala Johol	Balai Adat Undang Mubarak Ampangan	Balai Adat Undang Abu Bakar Pekan Jelebu	Balai Adat Undang Abdullah Kampung Chembong
4.	Balai Adat Undang Abdul Kampung Betong	Rumah Dato' Baginda Hj. Jamin Kampung Pelanggang	Balai Adat Undang Musa Pekan Jelebu	Balai Adat Undang Hj Ipap Kampung Lenggong Ulu (baru)
5.	Rumah Dato' Baginda Raja Manan Kampung Balai Rayu	Rumah Dato' Panglima Cincang Kampung Sungai Bemban		Balai Adat Undang Adnan Kampung Senama
6.	Rumah Panglima Hitam Timbang Kampung Masjid Tua	Rumah Dato' Manuag Sada Kampung Seri Lalang		Balai Adat Undang Adnan (lama), Pekan Rembau
7.	Rumah Dato' Sri Maharaja Tulus Kampung Renggoh	Rumah Dato' Maharaja Leila Kampung Telaga Undang		Rumah Dato' Mangku Salleh Kampung Paya Kumbuh
8.	Rumah Dato' Jenang Yaakob Kampung Melekai			Rumah Dato' Gempa Zakaria Kampung Lada
9.	Rumah Pawang Undang Shariff Kampung Nurii			Rumah Dato' Laksamana Idris Kampung Selemak

Setelah selesai menjalankan kajian uji lapangan, pengkaji memutuskan untuk menjalankan kajian kes terhadap Balai Adat sahaja kerana dari segi penggunaan ruang, ruang di rumah Dato' Lembaga tidak digunakan bagi menjalankan sebarang aktiviti beradat seperti penabalan, upacara mengadap dan lain-lain seperti yang dilakukan di Balai Adat Dato' Undang.

Selain daripada itu dari segi pemilikan rumah pula, rumah Dato' Lembaga tidak didirikan sendiri oleh Dato' Lembaga tersebut tetapi ia adalah rumah pusaka peninggalan keluarga si isteri.

Dari segi gaya rupa dan saiz bangunan pula tidak terdapat banyak perbezaan yang ketara jika dibandingkan rumah tersebut dengan rumah-rumah rakyat biasa yang lain.

Dalam menjalankan kajian ke atas bangunan yang telah dipilih, pengkaji telah pergi ke tapak bangunan, mengambil ukuran-ukuran bangunan secara terperinci seterusnya melukis pelan tapak, pelan bangunan, butiran-butiran jelas dan membuat lakaran-lakaran tampak bangunan serta mengambil gambarfoto untuk tujuan penganalisaan.


Sekiranya Balai Adat tersebut milik kerajaan, pengkaji berurusan pula dengan Jabatan Kerja Raya Daerah bagi mendapatkan pelan Balai Adat tersebut.

Pengkaji juga turut menemubual ahli-ahli sejarah, para Arkitek, ahli-ahli akademik, ketua-ketua adat, tukang dan orang-orang perseorangan yang banyak mengetahui tentang bangunan kajian. Data-data yang diperolehi dari hasil kajian lapangan ini adalah merupakan data primer.

Seterusnya, hasil-hasil penemuan tersebut dianalisis sebelum berbalik semula kepada hipotesis kajian. Pada tahap ini rumusan dibuat bagi menentukan samada hipotesis tersebut diterima atau ditolak.

### **1.5 STRUKTUR KAJIAN**

Hasil penelitian data dan maklumat yang diperolehi dari kedua-dua kaedah kajian tersebut akan dianalisis . Hubungan di antara faktor-faktor senibina dengan sistem sosial dan budaya dititikberatkan bagi mendapatkan pola hubungan antara kedua-duanya. Bukti-bukti bahan serta fakta-fakta akan dibentangkan secara sistematik seterusnya dirumuskan supaya sampai kepada kesimpulan yang menjawap hipotesis (rujuk Carta 3: Struktur Kajian).



Carta 3: Struktur Kajian

## **1.6 KESULITAN-KESULITAN DALAM MENGENDALIKAN KAJIAN LAPANGAN.**

Di dalam menjalankan kajian lapangan, penyelidik tidak terkecuali dari menghadapi berbagai kesulitan. Pertama, adalah kesulitan untuk bertemu sendiri dengan Dato' Undang. Sepanjang kajian dijalankan, pengkaji hanya dapat bertemu dan menemubual Undang Johol sahaja. Di luak Rembau pula, pengkaji hanya dapat menemubual anak perempuan Dato' Undang manakala di luak Sungai Ujung dan luak Jelebu, pengkaji hanya dibenarkan menemubual Dato'-dato' Adat.

Kedua, dalam mengkaji penggunaan ruang pula, pengkaji juga tidak berpeluang untuk memasuki dan melihat serta menghayati sendiri penggunaan ruang-ruang pada Balai Adat masa kini. Pengkaji hanya dapat memasuki sekadar ruang tamu sahaja dan ini sudah tentu menimbulkan masalah kepada kajian. Fungsi ruang hanya diberitahu oleh informan tanpa memberitahu tentang keluasan ruang, ketinggian ruang, jenis kemasan lantai dan siling dan perabot-perabot yang digunakan di dalam ruang tersebut.

Tidak mendapat kebenaran untuk memasuki ruang-ruang tersebut juga telah menyebabkan kerja-kerja pengukuran hanya dapat dilakukan di sebelah luar bangunan dan ukuran ini sudah tentunya tidak tepat.

Di Balai Adat (lama) Undang Adnan di Rembau, pengkaji tidak dapat langsung memasuki bangunan kajian kerana berkunci dan kunci

tersebut tidak dapat dijejaki oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Rembau. Manakala di Balai Adat Undang Kassim, luak Sungai Ujung juga pengkaji tidak dapat masuk ke bangunan kajian kerana pintu pagar utamanya berkunci. Pelan bagi bangunan ini juga tidak dapat diperolehi dari Jabatan Kerja Raya kerana telah hilang dalam simpanan mereka.

Di samping itu, pengkaji juga menemui kesukaran dalam mendapatkan maklumat yang tepat dari informan oleh sebab-sebab peribadi. Keaslian bangunan kajian juga telah banyak yang tidak dapat dikesan kerana proses pengubahsuaian yang keterlaluan atau bangunan telah terlalu uzur dimamah usia.

## **1.7 TEORI DAN KONSEP**

### **1.7.1 Definisi Evolusi, Budaya dan Senibina.**

Evolusi berlaku kepada semua perkara termasuklah manusia, haiwan, flora dan fauna, malah ia turut berlaku kepada corak kehidupan manusia itu sendiri. Sebelum Darwin mengemukakan teori evolusinya mengenai manusia, telah ramai para intelek Islam seperti Ibn Khaldun dan Jalaluddin Rumi yang telah mempersoalkan tentang evolusi manusia di dunia berdasarkan kitab suci Al Quran (Wan Abdul Rahman:1995).

Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan membincangkan soal evolusi dari segi budaya dan senibina sahaja memandangkan ia selaras dengan skop kajian yang dijalankan. Evolusi menurut kamus Dewan (1989) adalah perkembangan (pembentukan atau pertumbuhan) secara

beransur-ansur manakala menurut kamus New Webster pula adalah pembangunan, pertumbuhan atau perkembangan.

Tulisan orang-orang Yunani , 640 - 547 sebelum Masehi seperti yang dipetik oleh Zakri (1986:21) telah juga membentangkan konsep evolusi ini yang membayangkan sifat dinamis dan bergerak sesuatu perkara itu dari satu keadaan yang tidak tertib kepada keadaan organik yang teratur. Pada kesimpulannya evolusi itu bolehlah diertikan sebagai satu pergerakan yang menyebabkan perubahan dan ia berlaku secara perlahan-lahan dan proses tersebut mengambil masa yang lama.

Manakala istilah budaya pula mempunyai pengertian yang amat luas. Ia merangkumi kesemua aspek kehidupan masyarakat yang berkait dengan amalan hidup sehari-hari, sistem kepercayaan dan agama, adat istiadat malah sistem politik masyarakat itu.

Senibina mempunyai perkaitan rapat dengan kedua-dua aspek di atas iaitu evolusi dan budaya. Budaya, lapisan sosial, upacara-upacara dan ekonomi amat mempengaruhi senibina sesuatu kaum. Rapoport (1969) pernah mengatakan bahawa faktor budaya merupakan faktor paling utama yang mempengaruhi senibina sesuatu masyarakat manakala faktor-faktor lain seperti tapak, bahan dan teknologi merupakan faktor sekunder .

Rapoport juga turut menyentuh tentang betapa pentingnya pengaruh sosial di dalam mencorakkan senibina . Walaupun berada pada tempat yang sama, suatu kelompok budaya itu menurut beliau dapat menghasilkan bentuk senibina yang sangat berbeza. Parid Wardi Sudin

(1981) juga sependapat dalam soal ini dengan menyatakan bahawa senibina sebenarnya menggambarkan cara hidup yang mempengaruhi dan di pengaruhi oleh kehidupan manusia itu sendiri. Bukti ini dapat dilihat pada senibina di Malaysia di mana pada setiap negeri, senibinanya adalah berbeza-beza walaupun budaya Melayu itu sendiri adalah sama.

Seterusnya Taib Osman (1981) pula menyatakan, jika satu-satu ciri budaya itu berubah, ia akan melibatkan perubahan ciri-ciri yang lain juga. Budaya yang dimaksudkan oleh beliau dalam konteks ini adalah berdasarkan kepada sistem nilai dan 'world view' yang merupakan pengetahuan dan kepercayaan terhadap alam sekeliling yang terdapat pada sesuatu kebudayaan itu. Ini dapat dilihat dalam kebudayaan Melayu yang telah dicorakkan oleh kepercayaan animisme, Hinduisme, Islam dan kini kebudayaan Barat secara bergilir-gilir.

Seterusnya Frick (1988) berpendapat bahawa sekiranya manusia dan kebudayaan tidak menjadi pusat kepada penyelesaian senibina, maka hasil senibina tersebut akan menjadi tempat kediaman tanpa roh dan jiwa dan manusia yang menghuninya akan jadi terasing tanpa mempunyai rasa dipunyai dan mempunyai (sense of belonging).

### **1.7.2 Konsep Balai Adat**

Dalam kajian ini Balai Adat yang dimaksudkan adalah rumah yang menjadi tempat kediaman ketua yang memimpin Adat Perpatih di peringkat luak iaitu Dato' Undang. Fungsi Balai Adat ini selain

digunakan sebagai tempat kediaman, digunakan juga oleh Dato' Undang dan ketua-ketua adat yang lain untuk bermesyuarat, berbincang dan berunding mengenai masalah yang timbul di kalangan anak-anak buah mereka. Ia juga menjadi tempat menerima tetamu-tetamu dari dalam dan luar negeri, tempat untuk mengumumkan keputusan seperti menjatuhkan hukuman dan tempat menyimpan alat-alat kebesaran Dato' Undang.

Pengkaji memutuskan untuk menggunakan istilah **Balai Adat** dan bukan Rumah Adat dalam kajian ini kerana tempat kediaman Dato' Undang ini mempunyai fungsi yang lebih daripada tempat tinggal. Balai mempunyai erti yang lebih tepat sebagai tempat tinggal dan tempat bermesyuarat. Roxana (1990:65) memetik kenyataan Blust (1978) yang merekonstruksikan bahasa Proto-Austronesia menyebut bahawa balai atau **balay** memberi makna sebagai bangunan awam yang digunakan sebagai tempat bermesyuarat. Perkataan **balai** juga sering digunakan di dalam bahasa Austronesia yang dikenali sebagai **bale**.

Roxana juga menyentuh tentang seorang lagi penulis bernama Gonda yang mendefinisikan **balay** sebagai rumah yang tidak berdinding. **Bale** bagi masyarakat Bali pula adalah wakaf, rumah, sofa atau katil manakala **Bale Adat** pula adalah sebuah struktur empat persegi, beratap piramid dan mempunyai tiang sebanyak dua belas batang atau kurang. Ia digunakan semasa upacara kekeluargaan seperti kelahiran, perkahwinan dan juga kematian tempat jenazah dibaringkan.

Masyarakat Moluccas pula menurut Roxana mendefinisikan **baileu** sebagai tempat perbincangan masalah kampung.

Walau bagaimana pun, menurut Roxana lagi, Cooley telah memberikan definisi **baileu** dengan agak terperinci sebagaimana yang digunakan oleh masyarakat Ambon sebagai rumah, pura (temple) dan tempat perjumpaan yang disatukan. Ia menjadi tempat perjumpaan ketua di dalam sesuatu kampung dalam membincangkan masalah yang timbul. Ia juga sering dipanggil sebagai rumah adat atau gereja adat atau rumah tua tempat harta pusaka nenek moyang mereka disimpan dan di situ jugalah upacara-upacara adat dijalankan.

Dari sini dapat dibuat kesimpulan bahawa perkataan Balai ini dipakai secara luas di seluruh kepulauan Asia Tenggara dan membawa maksud yang lebih kurang sama. Oleh sebab itu pengkaji merasakan perkataan *Balai Adat* adalah lebih sesuai digunakan berbanding dengan Rumah Adat atau Rumah Undang.

### **1.8 ULASAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS.**

Ramai para ilmuan tempatan mahupun luar negera telah membuat tinjauan dan kajian mengenai Adat Perpatih yang diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat di Negeri Sembilan. Mereka menjalankan kajian itu kerana merasa kagum terhadap sistem nasab ibu yang diamalkan oleh masyarakat tersebut yang dianggap unik seterusnya telah dapat bertahan selama beberapa abad.

Di antara pengkaji-pengkaji tersebut adalah Andaya (1982), Wilkinson (1971), Abdullah Jumain (1995), Zaharah (1981) dan Mohd. Aris (1986) yang telah menyentuh tentang asal usul Adat Perpatih dan sejarah awal kedatangan orang-orang Minangkabau ke daerah-daerah terawal seperti di Naning, Sungai Ujung dan Rembau dan menyentuh tentang penyesuaian mereka ke dalam masyarakat dan budaya Melayu.

Samad Idris (1987), (1990) pula telah membincangkan sistem dan struktur politik Adat Perpatih ini dengan menekankan peranan ketua-ketua adat seperti Undang, Lembaga dan Buapak yang menjadikan muafakat sebagai teras perpaduan masyarakat adat .

Peranan dan sumbangan wanita di dalam masyarakat Adat Perpatih disentuh oleh Azizah (1985) bersesuaian dengan sistem nasab ibu yang diamalkan oleh masyarakat tersebut.

Rahim Syam (1985), Mohtar (1977), Hooker (1976) dan Norhalim (1995) telah membincangkan tentang definisi sebenar Adat Perpatih yang boleh menjelaskan kekeliruan masyarakat tentang Adat Perpatih tersebut. Peranan Adat Perpatih dalam masyarakat dan kesesuaian adat tersebut dalam keadaan semasa juga turut disentuh. Ini dengan secara tidak langsung menyangkal dakwaan masyarakat yang mengatakan bahawa Adat Perpatih itu adalah adat istiadat semata-mata dan telah lapuk dimakan zaman dan tidak sesuai lagi dipraktiskan dalam dunia moden sekarang ini.

Adat Perpatih dari segi undang-undang telah dijelaskan oleh Abdullah Siddiq (1975). Menurut beliau hukum adat adalah beriringan dengan adat itu sendiri dan tidak boleh dipisahkan, manakala ajaran Islam tidak memusnahkan terus Adat Perpatih tetapi telah merubah adat tersebut sejajar dengan pegangannya. Pengaruh agama Islam ini telah dibincangkan dengan lebih mendalam oleh Peletz (1981) dan Durrishah (1990). Sementara itu Norazit (1990) pula telah mengupas tentang nilai-nilai Adat Perpatih dalam pembangunan negara. Menurutnya nilai-nilai seperti muafakat, harmoni, persefahaman dan jujur perlu sebagai satu disiplin di dalam masyarakat yang inginkan pembangunan dan mahu mencapai kejayaan. Kajian yang lebih terperinci yang menjurus kepada Luak Jelebu telah diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan sendiri (1994).

Dari sudut senibina banyak juga kajian-kajian telah dibuat mengenai senibina di Negeri Sembilan, contohnya kajian oleh Sheppard (1962), Yaakub Idrus (1966), (1996), Emrick (1977) dan Hamzah (1979). Misalnya Hamzah (1979) dalam kajiannya telah menggariskan ciri-ciri senibina Negeri Sembilan yang menurut beliau adalah hasil interpretasi senibina Minangkabau. Normal (1994) pula telah mengkaji tentang pengaruh etno-botani terhadap senibina rumah Melayu di Negeri Sembilan.

Kajian bercorak am mengenai senibina Malaysia yang menyentuh senibina Negeri Sembilan diusahakan oleh Izikowitz (1982), Dumarcay (1987), Vlatseas (1990), Halim (1994), (1997) dan Mohd. Asri (1994).

Terdapat juga segolongan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia, jurusan senibina yang telah membuat kajian terperinci tentang rumah-rumah ketua adat di Negeri Sembilan seperti kajian oleh Muhammad Khairi dll. (1984), Mohd Norsham dll. (1985), Mohd Kamaluddin (1985), Aida Norbaya (1987), Radzuan dll. (1993), Jefni Elisputra dll. (1994), Wan Ramzan dll. (1994) dan Ching Cheng Yoke dll. (1995).

Walau bagaimana pun masih belum ada lagi kajian terperinci yang dijalankan terhadap pengaruh Adat Perpatih tersebut di dalam senibina di Negeri Sembilan. Kajian seumpama ini adalah penting memandangkan Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang mengamalkan sistem Adat Perpatih dan sedikit sebanyak Adat tersebut semestinya telah diterapkan kedalam hasil senibinanya.